

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI B. ABDUL HAMID  
[KAPAR]**

**SOALAN :**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pegawai-pegawai di kumpulan penjara dinaiktaraf kedudukan mereka serta mengkaji faedah-faedah terhadap anggota penjara termasuk soal kesihatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberikan perhatian terhadap aspek penambahbaikan skim perkhidmatan agensi-agensi di bawahnya termasuklah Jabatan Penjara Malaysia. Antara penambahbaikannya adalah kenaikan pangkat secara *Time Based Berasaskan Kecemerlangan*, kenaikan pangkat secara *fleksi*, penambahan lapisan gred jawatan, kelulusan perjawatan baru dan naik taraf jawatan.

Di samping itu, Jabatan Penjara Malaysia dan Persatuan Pegawai Penjara (POA) sentiasa mengadakan '*engagement*' dengan pihak JPA dan turut melibatkan lawatan ke Jabatan bagi meneliti beban tugas yang dilaksanakan oleh anggota penjara. Malahan, POA mengambil inisiatif membantu kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji bagi membuktikan secara ilmiah beban tugas yang dilaksanakan oleh anggota penjara.

Dalam soal kesihatan pula, Kementerian Dalam Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memastikan aspek kesihatan anggota penjara terpelihara. Salah satu program yang telah diperkemas oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah pelaksanaan penambahbaikan terhadap Garis panduan Kawalan Tibi di Institusi Penjara edisi ke-2 tahun 2017. Penambahbaikan program ini telah dikembangkan kepada anggota penjara, di mana ia sebelum ini dirangka khusus untuk penghuni penjara. Dengan adanya garis panduan sedemikian, anggota penjara akan mempunyai pengetahuan dalam mencegah penyakit tibi ini berjangkit di antara satu sama lain.

Selain itu, Jabatan Penjara Malaysia juga prihatin dalam menjaga kebajikan anggota Penjara terutamanya daripada aspek agama dan psikologi. Hal ini boleh dilihat melalui pewujudan Bahagian Agama dan Kaunseling mulai tahun 2018, bagi memberikan perkhidmatan kepada kakitangan dan penghuni di Jabatan Penjara Malaysia. Terdahulu Unit Psikologi dan Unit Agama di Jabatan Penjara Malaysia hanya tertumpu kepada penghuni penjara. Walau bagaimanapun menyedari kepentingan perkhidmatan psikologi dan pengurusan keagamaan perlu diperluaskan kepada kakitangan, Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil inisiatif memperkembangkan fungsi kedua-dua perkhidmatan tersebut melalui pewujudan Bahagian Agama dan Kaunseling.

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia sentiasa melaksanakan penambahbaikan secara berterusan bukan sahaja terhadap kedudukan gaji agar ia lebih kompetitif pada masa hadapan, malah faedah-faedah daripada segi kebajikan dan kesihatan anggota penjara juga dinilai semula daripada masa semasa.